
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2003/2004

April 2004

JPK 325 – KAEDAH MENGAJAR SEJARAH II

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

...2/-

1. Mata pelajaran Sejarah yang dikatakan sebagai pelajaran humanistik dapat memainkan peranan penting bagi memenuhi kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).
 - (a) Bincangkan konsep 'Sejarah adalah satu mata pelajaran humanistik'.

(10 markah)
 - (b) Bincangkan TIGA (3) peranan yang dapat dimainkan oleh sejarah sebagai mata pelajaran teras di sekolah menengah Malaysia.

(15 markah)

2. Pengajaran sejarah yang berkesan bergantung pada pengurusan bilik darjah oleh guru berkenaan.

Bagaimanakah pengawalan bilik darjah dapat membantu pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah-sekolah menengah?

(25 markah)

3. Lawatan merupakan salah satu kaedah dalam pengajaran sejarah.
 - (a) Nyatakan LIMA (5) kelebihan kaedah lawatan dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah.

(10 markah)
 - (c) Pilih SATU (1) contoh tempat bersejarah yang anda kenal pasti dan bincangkan LIMA (5) langkah pelaksanaannya bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran sejarah.

(15 markah)

4. Huraikan LIMA (5) langkah penting yang patut dilaksanakan oleh guru sejarah semasa pengajaran sejarah secara Bestari.

(25 markah)

5. Pemilihan dan penggunaan sumber adalah penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) sejarah.
 - (a) Apakah LIMA (5) keutamaan yang perlu diambil kira dalam P&P sejarah berasaskan sumber?

(15 markah)
 - (b) Bincangkan DUA (2) contoh sumber sejarah yang anda ketahui dan jelaskan kegunaannya dalam P&P sejarah.

(10 markah)